# Program cintai sains

## 30 mahasiswa UPM sertai Outreach Physics Camp selama tiga hari

LENSA KAMPUS

Oleh Dr Yap Wing Fen
rencana@mediaprima.com.my



SOKONGAN padu antara peserta dan fasilitator berjaya merealisasikan program hingga tamat.

Kelab Mahasiswa Fizik, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program "Outreach Physics Camp" di SMK Bundu Tuhan, Ranau, Sabah baru-baru ini.

Program tiga hari yang disertai 30 mahasiswa UPM itu memberi fokus kepada kaedah pemupukan kecintaan terhadap sains dan fizik dengan lebih berkesan.

Antara aktiviti dijalankan ialah "Brainy Brains" yang memerlukan pelajar mencari penerangan saintifik mengenai fenomena sains yang menarik tapi tidak masuk akal,

"Wonders of Physics" menggalakkan pelajar melahirkan idea inovatif untuk membina kenderaan yang ringkas selain "Explorace: The Einstein Hunt" yang menggabungkan aktiviti kecergasan fizikal dan pemikiran analitikal.



ANTARA program fizikal yang dijalankan bersama pelajar.



KAEDAH penerangan yang mudah dan ringkas berupaya menarik minat pelajar terhadap pelajaran sains.



WAJAH - wajah seronok pelajar yang mengikuti program secara berkumpulan.



PELAJAR tertarik mengikuti pelbagai aktiviti yang mampu menjana pemikiran kritikal dan kritis



# Cintai sains

## 30 siswa UPM sertai Outreach Physics Champ

»8